



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/01/21 (HQ)

TNB UMUM WAKTU OPERASI TERBAHARU KEDAI TENAGA SEPANJANG PKP

- Bacaan meter seperti biasa, kecuali premis tidak dapat diakses akibat banjir

Pengumuman Menteri Tenaga dan Sumber Asli Dato' Dr Shamsul Anuar Nasarah mengenai operasi Tenaga Nasional Berhad (TNB) diteruskan seperti biasa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 13-26 Januari 2021 dan perintah darurat sehingga 1 Ogos 2021 semalam, adalah dirujuk.

Dalam usaha berterusan TNB memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada 9.4 juta pelanggannya sepanjang tempoh PKP dan darurat ini, disenaraikan maklumat lanjut berkaitan operasi TNB:

1. Bermula 13 hingga 26 Januari 2021, waktu operasi Kedai Tenaga (KT) adalah dari jam 9 pagi hingga 4 petang setiap hari, kecuali hujung minggu dan cuti am. Waktu kios layan diri di KT pula adalah dari jam 8:15 pagi hingga 8 malam setiap hari di negeri-negeri di bawah PKP dan dari jam 8:15 pagi hingga 10:00 malam di negeri-negeri di bawah PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP).
2. Bagi KT yang terletak di Pusat Transformasi Bandar (UTC) bagi negeri-negeri di bawah PKP dan PKPB, waktu operasi adalah dari jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari (kecuali cuti am). Untuk KT di UTC di negeri-negeri di bawah PKPP, waktu operasi adalah dari jam 8 pagi hingga 9 malam pada hari bekerja dan 8 pagi hingga 5 petang pada hujung minggu.
3. Pembacaan meter akan berjalan seperti biasa dengan mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa, bagi memastikan pengguna menerima bil sebenar dan bukan bil anggaran. Bagaimanapun, kelewatan pembacaan meter mungkin berlaku di kawasan banjir yang masih tidak dapat diakses.
4. Waktu operasi perkhidmatan TNB CareLine di talian 1-300-88-5454 adalah dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang setiap hari. Untuk makluman, talian TNB Careline 1-300-88-5454 dan emel tnbcareline@tnb.com.my adalah untuk pertanyaan berkaitan akaun dan bil. Untuk gangguan bekalan elektrik pula, para pengguna diminta menghubungi TNB CareLine di 15454 dan Facebook TNB CareLine.

Bagi sebarang urusan transaksi termasuk semakan dan pembayaran bil, pengguna dinasihatkan menggunakan kemudahan transaksi dalam talian, antaranya menerusi portal (www.mytnb.com.my) dan aplikasi myTNB agar dapat mengurangkan keperluan untuk transaksi secara bersemuka.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Januari 2021, jam 10:00 pagi
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
 Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
 atau emel kami: media@tnb.com.my*

Waktu Operasi*	Semenanjung	Rehat/Solat Jumaat **
Kawasan		
PKP	8:00 pagi – 5:00 petang	12:15 tengahari – 2:45 petang
PKP Bersyarat (PKPB)	8:00 pagi – 5:00 petang	
PKP Pemulihan (PKPP)	<p><u>Hari bekerja</u> 8:00 pagi – 9:00 malam</p> <p><u>Hujung minggu</u> 8:00 pagi – 5:00 petang</p>	

* UTC beroperasi setiap hari kecuali pada cuti umum Persekutuan /Negeri

** Tiada waktu rehat bagi UTC kecuali pada hari Jumaat